

# Mahathir: Kerajaan tidak ketepikan bahasa kebangsaan

Oleh ZULKIFLEE BAKAR dan P. BALA KUMAR

KUALA LUMPUR 20 Feb. — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan, kerajaan sama sekali tidak berhasrat membelakangkan bahasa kebangsaan apabila cawangan institusi pengajian asing yang ditubuhkan di negara ini dibenarkan menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar.

Katanya, langkah itu akan membolehkan kerajaan mengawal kurikulum bagi memastikan perkara-perkara yang diajar adalah selaras dengan dasar dan matlamat negara.

"Keputusan itu (kebenaran menggunakan bahasa Inggeris) bukanlah bermakna kita hendak mengurangkan pelajaran bahasa kebangsaan. Jika kita hendak menjadi pedagogue dunia, menguasai ba-

hasa kebangsaan sahaja tidak mencukupi.

"Kita perlu sekurang-kurangnya menguasai satu bahasa asing," katanya pada sesi dialog dengan wakil-wakil persatuan industri dan perdagangan anjuran Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri di sini, hari ini.

Bulan lalu, Dr. Mahathir mengumumkan kerajaan akan meminda Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 secepat mungkin bagi membolehkan cawangan-cawangan universiti-universiti luar ditubuhkan di negara ini.

Dr. Mahathir berkata, adalah wajar untuk mempelajari bahasa Inggeris ke tahap di mana seseorang itu boleh menggunakannya untuk berunding ataupun membuat perjanjian.

"Kita perlu menguasai bahasa Inggeris ke tahap di mana kita boleh berun-

ding ataupun membuat perjanjian dalam bahasa Inggeris dengan penuh keyakinan bahawa kita memahami apa yang ditandatangani."

Perdana Menteri menegaskan, beliau bimbang jika seseorang itu tidak memahami bahasa Inggeris ia akan menghadapi pelbagai tuntutan di mahkamah selepas menandatangani pelbagai dokumen yang tidak difahaminya.

Beliau menjelaskan, suatu ketika dulu kerajaan menggalakkan pelajar negara ini melanjutkan pelajaran ke luar negara dengan hasrat untuk memberi pendedahan kepada mereka berhubung cara hidup di negara-negara terlibat.

**[ Lagi laporan dan gambar di muka 2 ]**

"Sekarang cara hidup di negara-negara itu terlalu bebas, tidak sesuai dengan kehendak kita, oleh itu ia tidak mendatangkan sebarang faedah."